

06 JUN 2002

KHALIL JANGKA LEBIH RAMAI HADIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KALI INI

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Umno menjangka perhimpunan agungnya pada 20 dan 21 Jun ini akan dihadiri lebih ramai anggota dan penyokong berbanding perhimpunan-perhimpunan sebelum ini.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata lebih banyak kelab-kelab Umno di luar negara juga menyatakan kesediaan untuk menghadiri perhimpunan itu nanti.

"Sebagaimana yang diketahui, kita ada penambahan dalam bilangan anggota kelab-kelab ini, khususnya di United Kingdom. Semuanya kita dah jemput balik untuk hadir," katanya.

Menurut beliau lebih 30 surat jemputan kepada parti-parti politik luar negara juga sudah dihantar dan kebanyakan mereka turut menyatakan keinginan untuk hadir.

"Ia termasuk wakil parti politik dari negara-negara yang jauh seperti Cuba, Korea Utara.... negara-negara ini memang sentiasa datang, hampir setiap tahun," katanya dalam sidang berita selepas menerima kunjungan wakil khas Presiden Malawi, Leonard K. Mangulama di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun tiada pemilihan pada perhimpunan itu, namun para penyokong serta anggota Umno sememangnya sentiasa berminat mendengar ucapan dasar Presiden Parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata semua persiapan seperti backdrop pentas, dokumen-dokumen yang akan dibentangkan, beg-beg perwakilan, pas-pas peserta, kemudahan untuk liputan media dan sebagainya sudah siap.

-- BERNAMA

AZH ZS PR